

10/11/2001

Pakistan sedia pantau pelajar di madrasah

Salina Abdullah

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kerajaan Pakistan hari ini memberi jaminan memantau kegiatan pelajar Malaysia di madrasah di sempadan Pakistan-Afghanistan bagi memastikan mereka tidak terjebak dalam gerakan berunsur militan dan ekstrimis.

Jaminan itu disampaikan Pesuruhjaya Tinggi Pakistan ke Malaysia, Nasim Rana, ketika mengunjungi Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein, petang ini.

Hishammuddin berkata, Nasim juga menyuarakan kebimbangan kerajaannya dengan kegiatan berunsur keganasan dan ekstrimis di madrasah itu yang mungkin turut membabitkan pelajar Malaysia.

Beliau berkata, kerajaan Pakistan berjanji menghantar laporan secara bertulis kepada kerajaan Malaysia berhubung tindakan yang sudah dan akan mereka laksanakan dalam menangani masalah itu.

"Kita meminta mereka memberi penekanan kepada pelajar Malaysia. Kita memandang serius perkara ini kerana tidak mahu pelajar Malaysia jika ada, terbawa-bawa fahaman ekstrimis dan militan ini apabila pulang ke tanah air dan menimbulkan ketegangan di dalam negara.

"Saya akan memaklumkan perkara ini kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, malam ini, dan berharap kerajaan akan mengambil tindakan segera, termasuk memastikan ada atau tidak pelajar Malaysia yang terbabit," katanya selepas melancarkan Tabung Ehsan Afghan di Stesen Kuala Lumpur Sentral, hari ini.

Hishammuddin yang juga Ketua Pergerakan Pemuda Umno berkata, pada pertemuan itu, Nasim juga menyuarakan hasratnya untuk membincangkan perkara itu dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Abdullah.

Ditanya mengenai tindakan yang akan diambil terhadap pelajar Malaysia jika terbabit dalam kegiatan militan, ganas dan ekstrim itu, beliau berkata:

"Kerajaan akan mengawasi kumpulan ini, tidak kira sama ada mereka pelajar atau sesiapa saja. Tindakan tegas akan diambil ke atas mana-mana pihak yang boleh menjejaskan keamanan dan kesejahteraan rakyat dan negara."

Selain itu, Hishammuddin berkata, pihaknya dimaklumkan mengenai keadaan pelarian Afghanistan yang kritikal ketika ini, lebih-lebih lagi dalam menghadapi ketibaan musim sejuk.

Sehubungan itu, beliau berkata, Malaysia akan menghantar pakaian sejuk, selimut, makanan dan ubat-ubatan bagi membantu meringankan beban pelarian terbabit.

Dalam pertemuan itu, katanya, beliau juga dimaklumkan bahawa Presiden Pakistan Pervez Musharraf kini berada di Amerika Syarikat dan akan merayu supaya Amerika Syarikat menghentikan serangan pada Ramadan.

"Saya memaklumkan kepada mereka bahawa ini juga adalah pendirian Malaysia. Kita berharap Pakistan dapat menggunakan hubungan baiknya dengan Amerika Syarikat untuk mendesak negara terbabit menghentikan serangan ke atas Afghanistan," katanya.

Sementara itu, Pengarah Semasa Sentral Sdn Bhd, syarikat yang mengurus operasi stesen berkenaan, Shaharizuan Shafiei berkata, Tabung Ehsan Afghan di KL Sentral akan dijalankan sehingga penghujung Disember.

Orang ramai boleh memberi sumbangan wang tunai menerusi tabung khas yang ditempatkan di aras satu stesen berkenaan. Selain itu, sumbangan berupa

pakaian tebal, selimut dan barangan permainan kanak-kanak boleh disalurkan melalui kaunter penerangan yang beroperasi 24 jam sehari.

(END)